

# UMS bantu keluarga nelayan melalui 'Blue Ocean Strategy'

DE 18/05/2012 F

KOTA BELUD: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mempunyai keprihatinan membantu keluarga daif di negeri ini untuk keluar dari belunggu kesusahan hidup menerusi pelaksanaan program kemasyarakatan melibatkan pelajar.

Timbalan Naib Canselor UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Hj Md Mansur berkata untuk mencapai matlamat tersebut, pihaknya melaksanakan Program 'Blue Ocean Strategy' membina rumah keluarga nelayan yang memerlukan dikendalikan bersama Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia (Maskum).

"Program ini ternyata memberi impak tinggi terhadap perkembangan insaniah pelajar terlibat dalam melaksanakan kerja-kerja sukarela," kata Kasim selepas majlis penyerahan rumah kepada keluarga Tisek Sirom di perkampungan Nelayan Kg Kupang, Kuala Abai di sini Khamis.

Beliua seterusnya menjelaskan pihak UMS akan terus menyokong program kemasyarakatan tersebut agar lebih banyak keluarga nelayan daif mendapat manfaat daripada khidmat sosial berkenaan.

Di bawah program fasa pertama itu, sebuah rumah telah dibina untuk keluarga Tisek yang didirikan secara bergotong-royong oleh pelbagai pihak dikendalikan

JPAM, penduduk dan kalangan pelajar UMS yang menjadi anggota pasukan ala pertahanan Palapes, Suksis dan Sispa. Rumah tersebut siap pembinaannya selama 15 hari.


Hadir menyerahkan kunci rumah itu ialah Pembantu Menteri Pembangunan Infrastruktur, Datuk Japlin Akim dengan disaksikan Kasim, Prof Madya Dr Fadzil Che Din, Timbalan Naib Canselor Universiti Pertahanan Negara Malaysia (UPNM) yang juga Pengerusi Maskum IPTA Malaysia, Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMS, Lt Kol Prof Madya Dr Ismail Ali dan Ketua Jabatan HEP UMS, Kpt Darwis Awang.

Tisek yang ditemui selepas majlis penyerahan rumah itu dengan amat terharu menyatakan rasa terima kasih atas bantuan yang dihulurkan oleh UMS dan kerajaan. Japlin yang juga Adun Usukan menyifatkan program itu sebagai satu usaha murni para pelajar UMS dan anggota JPAM Sabah dalam membantu masyarakat di Sabah.

Sementara itu, Ismail selaku Pengerusi Maskum UMS menyatakan pihaknya akan memperluaskan lagi program 'Blue Ocean Strategy' itu dengan harapan lebih kerap pelajar dilibatkan bagi melahirkan modal insan yang prihatin dan berdaya usaha.



**TISEK (kedua kiri) menerima kunci rumah daripada Japlin sambil disaksikan Dr Kasim (kiri), Dr Ismail (kanan) dan Dr Fadzil (belakang).**



**RUMAH program 'Blue Ocean Strategy' dipandang dari halaman.**